

24 SEP 2002

Mahathir-Puas hati/I

MAHATHIR PUAS HATI DENGAN HASIL MESYUARAT ASEM

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

COPENHAGEN, 24 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyuarakan rasa puas hatinya dengan hasil mesyuarat tidak formal keempat pemimpin Asia dan Eropah tetapi menggesa supaya tindakan susulan dilaksanakan bagi menjayakan pelbagai cadangan kerja untuk merapatkan jurang antara dua benua itu.

Walaupun mesyuarat keempat Asia-Eropah (ASEM 4) mungkin tidak banyak dapat membantu dalam isu yang berkaitan Iraq, perbincangan berterus-terang dan terbuka antara para pemimpin kedua-dua negara sangat berguna, kata Perdana Menteri pada sidang media diakhir mesyuarat dua hari ASEM yang berakhir hari ini.

ASEM merupakan mesyuarat tidak formal antara 10 pemimpin Asia dan 15 negara Eropah serta Suruhanjaya Eropah yang bertujuan merapatkan kedua-dua benua dalam aspek politik, sosio ekonomi dan budaya.

Antara pencapaian ASEM 4 ialah ikrar yang dibuat oleh para pemimpin dalam Deklarasi Copenhagen Mengenai Kerjasama Menentang Keganasan Antarabangsa menerusi pendekatan komprehensif untuk menangani masalah itu termasuk mencari puncanya.

Dr Mahathir berkata kecuali kita mengetahui punca berlakunya keganasan, kita tidak mampu menanganinya semata-mata menerusi pendekatan keselamatan dan ketenteraan.

Selagi ada sebab atau ada orang yang percaya ada sebab untuk mereka bertindak melalui cara itu, mereka akan terus bertindak, termasuk jika ada antara mereka yang terbunuh atau membunuh diri (memandangkan) ada sukarelawan lain, katanya merujuk serangan pengganas ke atas Amerika Syarikat pada 11 Sept serta pengebom berani mati Palestin.

Ketika menjawab pertanyaan pemberita asing mengenai cadangan penubuhan Pasukan Tindakan Cepat NATO dengan mesyuarat antara menteri-menteri pertahanan negara-negara NATO kini berlangsung di Warsaw, Dr Mahathir berkata Malaysia kesal dengan penubuhan pasukan itu.

NATO mencadangkan pembentukan pasukan itu yang mengandungi sehingga 20,000 anggota untuk menjalankan operasi ketenteraan di mana-mana sahaja di dunia dengan 5,000 anggota dapat ditugaskan dalam masa tujuh hingga 30 hari.

"Saya tidak setuju dengan idea serangan terlebih dahulu bagi mengelak kemungkinan tindakan ganas, tetapi persoalan penting ialah siapa yang akan membuat keputusan untuk menyerang. Jika ia membabitkan mana-mana negara, maka banyak negara akan mengambil tindakan menyerang terlebih dahulu terhadap jiran mereka dan ini akan mewujudkan ketidakstabilan di kebanyakan tempat di dunia, kata Dr Mahathir.

Jadi, konsep menyerang terlebih dahulu perlu dibahaskan di peringkat antarabangsa sebelum sesiapa membuat keputusan mengenainya, katanya.

Mengenai dokumen Britain yang menggariskan tindakan London terhadap Iraq yang mendakwa Presiden Saddam Hussein membangunkan simpanan senjata kimia dan biologi dan sedia menggunakannya, Dr Mahathir berkata:

"Kita gembira untuk menyokong tindakan ketenteraan itu jika ia boleh dibuktikan tanpa ragu-ragu bahawa Iraq sedang menghasilkan senjata pemusnah."

Perdana Menteri juga berkata Malaysia tidak bersetuju dengan sekatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ke atas Baghdad kerana ia tidak menjejaskan kerajaan, ia menyakitkan rakyat, orang miskin, wanita dan kanak-kanak, mengapa menghukum mereka ini yang tidak bertanggungjawab sama

sekali terhadap kerajaan yang ada.

Ditanya sejauh mana Amerika Syarikat dan Britain sudah bersedia untuk memutuskan serangan ke atas Iraq, Dr Mahathir berkata: "Amerika Syarikat dan Britain wajar mendengar kehendak dunia dan jika negara lain di dunia tidak setuju, mesti ada sebab, jadi marilah bertindak secara multilateral kerana tindakan satu pihak oleh kedua-dua negara ini menjejaskan keseluruhan dunia."

Kepada cadangan bahawa sebilangan anggota Kesatuan Eropah bersalah kerana mengamalkan pilih kasih akibat cenderung menyokong usaha untuk menyerang Iraq tetapi tidak menghiraukan kedegilan Israel yang tidak mematuhi pelbagai resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu seperti menyediakan penempatan berasingan untuk Palestin, Dr Mahathir berkata:

"Inilah sesuatu yang setiap orang didakwa... orang berkata mengenai satu perkara apabila ia bersesuaian dengan mereka dan lain jika tidak sesuai.

Sebenarnya, jika ia sebuah negara mesra, ia boleh jadi tidak demokratik, tetapi jika kita bukan negara mesra, kita mesti menjadi demokratik dan perkara seperti itu, kita sudah biasa dengannya," kata Perdana Menteri.

Ia adalah sebahagian daripada hubungan antarabangsa hari ini, kita tidak perlu terlalu betul, kita boleh bersikap sedikit hipokrit (tetapi) saya tidak kata bahawa Eropah hipokrit, saya kata semuanya hipokrit," kata Dr Mahathir.

Ditanya mengenai kepungan ke atas ibu pejabat pemimpin Palestin Yasser Arafat di Tebing Barat, Perdana Menteri berkata Israel tidak seharusnya mendesak Arafat melalui cara itu.

"Kebimbangan saya ialah jika sesuatu berlaku ke atas Arafat, beliau akan mati syahid dan jika ia berlaku, ia akan menimbulkan kemarahan besar di kalangan umat Islam di seluruh dunia dan bukans etakat di Palestin."

Perdana Menteri berkata jika ini berlaku, kemungkinan lebih ramai akan diambil untuk menjalankan aktiviti keganasan dan sebab itulah penting tidak berlaku kemalangan yang boleh mencedera atau menyebabkan kematian Arafat.

"Jika anda singkirkan Presiden Arafat, siapa yang akan menggantikannya. Jika anda menggantikannya dengan seseorang yang memenuhi hasrat Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon, beliau akan ditolak malah akan dibunuh," kata Dr Mahathir.

"Cara terbaik ialah berunding dengan Arafat memandangkan beliau merupakan pemimpin Palestin yang berwibawa. Nyatanya, beliau tidak mempunyai kawalan penuh terhadap tindakan sebilangan kumpulan, begitu juga dengan orang lain," katanya.

Dr Mahathir dijangka menemui masyarakat Malaysia di sini lewat hari ini sebelum berlepas ke Eropah untuk percutian pendek sebelum pulang ke Malaysia minggu depan.

-- BERNAMA

MR RV LAT